

kampung boleh muat penduduk di situ eloklah sembahyang di masjid, kalau tidak – yakni kalau orang lebih ramai dan masjid tak muat maka eloklah sembahyang di padang.

Pendeknya boleh sembahyang di padang atau di masjid kerana Nabi pernah sembahyang hari raya pada keduanya menurut keadaan dan sebab yang menghendaki baginda berbuat demikian.

*

Berjabat Tangan

i. Muhammad ‘Alī bin Muhammad Zin, Kuala Besut

Terengganu, bertanya: Bilakah waktu dikehendaki oleh syarak berjabat tangan (*muṣāfahah*) dan bagaimana hukum berjabat tangan lepas sembahyang Jumaat, sembahyang hari raya, dan pada hari raya dengan jiran sekampung.

Jawab: Berjabat tangan atau bersalam-salaman adalah digemari oleh syara’ kerana menambahkan perasaan kasih mesra di antara seorang dengan lainnya.

Apatahlagi junjungan kita (SAW) bersabda menggalakkan umatnya kepada bermusafahah atau bersalam-salaman:

“*Tuṣāḥḥifū yadhhab al-ghul ‘an qalūbukum*” (R. Ibn ‘Adī).


“Berjabat tanganlah kamu, nescaya hilang perasaan dendam dari hati kamu”.

Masanya, boleh dilakukan pada tiap-tiap waktu yang munasabah, baik ketika berjumpa antara satu dengan lain, atau lepas sembahyang berjemaah, meliputi sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat atau sembahyang hari raya yang lazimnya menjadi hari bermaaf-maafan.

*

Tujuh Keturunan?

i. Uthman Husin, Teluk Air Singapura bertanya: Bagaimana hukumnya orang Kristian masuk agama Islam, ada orang mengatakan tidak sah Islamnya melainkan setelah



Al-'alāmah al-Shaykh Muḥammad Muṣṭafā al-Marāghī ulama Mesir yang kebilangan. Dalam masa hayatnya pernah menjadi ketua Universiti Azhar.

tujuh keturunan?

Jawab: Faham yang demikian adalah karut. Beribu-ribu orang Kristian di Eropah, di Amerika dan di mana-mana jua pun semenjak dahulu hingga sekarang telah memeluk Islam dan menjadi sebahagian daripada umat Islam.

Dalam zaman Nabi sendiri bukan sedikit orang Kristian yang telah memeluk Islam, di antaranya Ṣahīb al-Rūmī (bangsa Rom) sahabat Nabi yang terkenal.